

D674

U B652 DEB

UMNO - JAWATANKUASA R R R

KUALA LUMPUR, 26 SEPT (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO HARI INI MEMBENTUK SEBUAH JAWATANKUASA BAGI MENCARI JALAN MENYELESAIKAN MASALAH TUNTUTAN 12 ANGGOTA PARTI SUPAYA MAHKAMAH MENGISYTIHARKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL LEPAS BATAL DAN TIDAK SAH.

JAWATANKUASA LIMA ANGGOTA ITU TERDIRI DARIPADA NAIB PRESIDEN, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI, SETIAUSAHA AGUNG, DATUK SERI SANUSI JUNID SERTA TIGA ANGGOTA MT LAIN -- DATUK NAPSIAH OMAR, DATUK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR DAN SENATOR HAJI HUSSEIN AHMAD.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUBIKAN MESYUARAT MT KIRA-KIRA LIMA JAM DI IBU PEJABAT UMNO, DI SINI.

KATANYA PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU DIPERSETUJUI DENGAN SEBULAT SUARA OLEH MT PADA MESYUARAT ITU.

BAGAIMANAPUN KATANYA MT TIDAK MENETAPKAN APA-APA GARIS PANDUAN BAGI JAWATANKUASA BERKENAAN MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PARTI ITU.

+BIDANG TUGAS JAWATANKUASA ITU LUAS DAN KITA TIDAK MEMBERI GARIS PANDUAN KEPADA MEREKA. KITA MEMBERIKAN KEBEBASAN KEPADA MEREKA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU,+ KATA BELIAU. -- LAGI.
1659MST 26 09 87

D654

U B648 DEB

UMNO - JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI YANG ENGGAN MENGULAS LANJUT MENGENAI TUGAS-TUGAS YANG AKAN DILAKUKAN OLEH JAWATANKUASA ITU, BERKATA JAWATANKUASA ITU ANTARA LAIN AKAN BERBINCANG DENGAN KESEMUA 12 ANGGOTA UMNO YANG TERBABIT UNTUK MENCARI JALAN BAGI MENYELESAIKAN KES ITU DI LUAR MAHKAMAH.

DALAM TUNTUTAN MAHKAMAH PADA JUN LEPAS, ANGGOTA-ANGGOTA BERKENAAN MEMINTA MAHKAMAH MENGELUARKAN PERINTAH SUPAYA DIADAKAN PERHIMPUNAN AGUNG DAN PEMILIHAN BARU TERMASUK BAGI JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN.

MEREKA MENDAKWA, PERHIMPUNAN AGUNG 24 APRIL TIDAK SAH KERANA PARTI DENGAN SENGAJA/CUAI MEMBENARKAN WAKIL CAWANGAN-CAWANGAN YANG TIDAK BERDAFTAR MENYERTAI PEMILIHAN DAN PERWAKILAN DI PELBAGAI PERINGKAT SEBAGAI PERSEDIAAN KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG.

PADA 7 JULAI, MAHKAMAH TINGGI MELULUSKAN PERMOHONAN KESEMUA 12 ANGGOTA BERKENAAN UNTUK MEMERIKSA FAIL DAN DOKUMEN BERHUBUNG DENGAN PENDAFTARAN DAN TARAF KESEMUA CAWANGAN UMNO DALAM TUJUH BAHAGIAN YANG MELIPUTI CAWANGAN-CAWANGAN YANG DIDAKWA ITU.

TUJUH BAHAGIAN BERKENAAN IALAH TANJUNG, JELUTUNG DAN NIBONG TEBAL (PULAU PINANG), PASIR PUTIH, MACHANG DAN RANTAU PANJANG (KELANTAN) SERTA PEKAN, PAHANG. -- LAGI.

1624MST 26 09 87

D658

U 8651 DEB

UMNO - JAWATANKUASA 3 KUALA LUMPUR R R R

BAGAIMANAPUN, DALAM PEMBELAANNYA PADA 2 SEPT, DATUK SERI SANUSI DAN LIMA DEFENDEN LAIN MENAFIKAN DAKWAAN PLAINTIF DENGAN MENGATAKAN BAHAWA PERHIMPUNAN AGUNG ITU MENURUT PERATURAN DAN SAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA MT TELAH MELULUSKAN PENUBUHAN CAWANGAN BARU DI KAMPUNG MASJID LAMA, KEDAH SERTA MENERIMA LAPAN ANGGOTA BARU YANG TERDIRI DARIPADA BEKAS ANGGOTA PAS, BERJASA, PARTI SOSIALIS DEMOKRATIK DAN PARTI PROGRESIF RAKYAT.

MT BAGAIMANAPUN MENOLAK PERMOHONAN PENUBUHAN CAWANGAN KAMPUNG TELUK WANG, PENDANG, KEDAH DI SAMPING MENGGANTUNG CAWANGAN PANDAN JAYA, BAHAGIAN AMPANG JAYA, SELANGOR, KATA PERDANA MENTERI.

SEMASA DITANYA MENGENAI PERLANTIKAN SETIAUSAHA KERJA UMNO EKORAN PERLETAKAN JAWATAN ENCIK NASRUDDIN HAJI ALANG SAIDIN, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT KALI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BEBERAPA ANGGOTA MT YANG DILANTIK DAN YANG TIDAK HADIR SEBELUM INI TELAH MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN MASING-MASING HARI INI. ANTARA MEREKA IALAH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMAD RAHMAT, MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK NAPSIAH OMAR DAN DATUK SHAHRIR SAMAD. -- LAGI.

1631MST 26 09 87

D675

U 8653 DEB

UMNO - JAWATANKUASA 4 KUALA LUMPUR R R R

MT JUGA MENERIMA CADANGAN PEMANGKU KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK SUPAYA DITARIK BALIK KETETAPAN YANG MENSYARATKAN HAD UMUR 30 TAHUN KE ATAS, BAGI PERLANTIKAN EXCO PEMUDA UMNO.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DARIPADA SEGI SAMANGATNYA, ANGGOTA EXCO YANG DILANTIK ITU SEBAIK-BAIKNYA BERUMUR LEBIH DARIPADA 30 TAHUN.

MENGENAI LAWATAN BELIAU KE NEGERI-NEGERI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENDAPAT SAMBUTAN BAIK DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI YANG DITEMUI +DAN ADA YANG MENCADANGKAN SUPAYA SAYA MELAWAT SEMUA NEGERI UNTUK MENCAPAI PERPADUAN DALAM UMNO+. -- BERNAMA.

1700MST 26 09 87